

MASKULIN

MERDEKA?
ANDA SEDANG
DIJAJAH!

TIP GAYA
UNTUK ANDA
BERTUBUH
GEMPAL

10
KOMUNIKASI HEBAT
UNTUK BERJAYA

METAMORFOSIS
JOVIAN MANDAGIE



'DIRTY TALK'
7 KATA

PERANGSANG NAFSU

17 PUNCA
LELAKI TAK LAYAK
BERGELAR SUAMI

HOBİ
KEPUASAN ATAU
PEMBAZIRAN?

- * KETAGIH MENEMBAK
- * GILA DI PUNCAK TINGGI
- * ULAR JADI RAKAN KARIB
- * FANATIK KUMPUL
MINIATUR KERETA

Alunan Magis Elizabeth Tan

Siapa menyangka, suara merdu dianugerahkan dengan rupa paras menawan menjadi pakej ideal buat gadis manis ini mengorak langkah dalam bidang seni. Hanya dengan mengalun lagu ikut gayanya sendiri dan kemudian memuat naiknya di atas talian, dia berjaya mengikat pengikutnya. Itulah impak kuasa lantunan suara magis milik Elizabeth Tan.



Elizabeth Tan atau lebih mesra dipanggil 'Lizzie' barangkali tidak lagi asing di kalangan penggemar laman sosial YouTube. Gadis berbangsa Cina ini menjadi perhatian ramai seperti pada awal kemunculan Yuna, Najwa Latif dan Ainan Tasneem hanya dengan suara dan instrumen ukulelenya itu.

'Havoc' "27 Disember merupakan tarikh keramat. Memang saya tidak sangka video yang dimuat turun mendapat perhatian ramai. Ketika itu saya tercari-cari lagu popular untuk buat 'cover', dan ketika itu, lagu Havoc menjadi siulan ramai. Dalam tempoh 10 minit saja, saya ubah sedikit lirik dan mengalurnya ikut gaya saya sendiri. Kini, sudah lebih 700,000 pengguna YouTube menyaksikan video cover tersebut dan rata-rata memuji".

Bukan klon Yuna "Ya, sebenarnya ramai yang menyamakan saya dengan Yuna. Mungkin ton suara saya persis dengannya. Sememangnya saya cukup mengagumi Yuna kerana dia ibarat idola dan pencetus untuk saya terjun ke bidang seni menggunakan platform sama (YouTube). Kini, saya masih mencari identiti tersendiri. Berikan saya sedikit masa lagi".

Seluruh keluarga menyanyi "Ya, I guess I got this gift from my family kerana seluruh keluarga saya handal menyanyi. Malah saya juga sendiri mengambil kelas vokal dalam jurusan seni muzik di Texas, Amerika Syarikat".

Singel pertama "Kini saya sudah beberapa bulan menjadi artis di bawah pengurusan Paranormal Talents dan merakamkan single pertama berjudul

'Maafkan Aku'. Single ini merupakan hasil tulisan saya sendiri. Lagu ini lebih berkisar tentang kemaafan yang dipohon buat kekasih hati akibat kesilapan sendiri".

Bakal bergelar pelakon "Saya baru saja tamat menjalani penggambaran filem pertama saya yang bakal ditayangkan berjudul Usop Wilcha Mengorjang Makhluk Muzium. Mungkin sudah rezeki, saya mendapat tawaran berlakon itu selepas didatangi Usop Wilcha ketika sedang menjamu selera di TGI Fridays. Katanya, saya punya wajah yang boleh dikomersialkan. Lalu, mana bisa saya tolak peluang ini. Malah, saya memang suka bidang lakonan dan pernah terlibat dengan pementasan drama ketika di sekolah menengah dulu".

Rahsia kecantikan "Banyakkan minum air masak, tidur yang mencukupi dan bersenam".

Bahagian seksi di tubuh "Hmmm...mungkin kaki saya".

Lelaki idaman "Berbeza dengan wanita lain, soal rupa bukan taruhan buat saya. Lelaki idaman mestilah punya personaliti, berkeyakinan, tahu jaga diri dan diri saya".

Perancangan masa depan "Saya ingin memperkasakan bakat dalam bidang seni suara dan lakonan. Malah, saya juga ingin membuka perniagaan pastri suatu hari nanti".

Tiga lelaki idaman "Chris Evans. He's hot! Ed Westwick. Dan pastinya Aaron Aziz"



PROFIL

Nama penuh: Elizabeth Tan Su Mei

Nama komersial: Elizabeth Tan

Umur: 21 tahun

Asal: Melawati, Kuala Lumpur

Kerjaya: Penyanyi / Pelakon

Siapa Elizabeth Tan?

- Sukakan aktiviti lasak dan sedikit boyish
- Gilakan kucing
- Meminati *airplane food*
- Takut dengan anjing
- Tidak makan makanan berkarbohidrat seperti nasi